

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019**

**SOALAN : Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]**

minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status kemajuan rundingan isu sempadan maritim Malaysia-Singapura dan apakah butiran penyelesaian yang telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman, semasa Sesi Pemukiman Ke-9 Pemimpin-Pemimpin Kerajaan Malaysia-Singapura yang diadakan pada 9 April 2019 di Putrajaya, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura menyambut baik kerjasama dua hala (*bilateral*) dalam melaksanakan cadangan Kumpulan Kerja (*Working Group*) bagi menangani isu maritim yang melibatkan peluasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas. Singapura juga bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia mengenai persempadanan maritim Malaysia-Singapura yang masih belum dimuktamadkan, dan bukan sahaja bagi kawasan had pelabuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Susulan itu, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Malaysia-Singapura Bagi Perbatasan Sempadan Maritim Di Sekitar Kawasan Had Pelabuhan Bertindih Johor Bahru Di Tanjung Piai dan Singapura Di Tuas telah diadakan pada 13 Mei 2019 di Singapura.

4. Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Encik Chee Wee Kiong, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura. Bagi pihak Malaysia, agensi-agensi berkaitan turut hadir ke mesyuarat tersebut iaitu Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengangkutan, Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Pusat Hidrografi Negara dan Jabatan Laut Malaysia.

5. Mesyuarat tersebut telah:

- a) menubuhkan satu jawatankuasa kecil (*sub-committee*) untuk membincangkan perkara dari segi perundangan dan teknikal bagi perbatasan sempadan maritim Malaysia-Singapura. Ia diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri bagi pihak Malaysia dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara bagi pihak Singapura; dan
- b) bersetuju supaya jawatankuasa utama tersebut akan bersidang sebanyak dua (2) kali setahun, manakala mesyuarat di peringkat jawatankuasa kecil (*sub-committee*) pula akan bersidang mengikut keperluan, iaitu secara *intersessional*.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Selain daripada kawasan had pelabuhan bertindih tersebut, Malaysia dan Singapura juga akan meneruskan rundingan mengenai sempadan maritim di kawasan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Sehubungan ini, Malaysia dan Singapura telah menujuhkan *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC) bagi melaksanakan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice - ICJ*) berhubung Kes Kedaulatan Ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008. Sehingga kini, tujuh (7) mesyuarat MSJTC telah diadakan dalam proses perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah. Mesyuarat Ke-8 dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober tahun ini dengan Malaysia sebagai tuan rumah. Proses perundingan ini telah tertunda sebelum ini berikutan terdapat beberapa percanggahan dalam rundingan di antara kedua-dua negara dan kerana Malaysia telah mengemukakan semakan semula penghakiman kes ini kepada ICJ.

Sekian, terima kasih.